

15/09/2003

Pinjaman automatik (HL)

Maizura Ismail

KUALA LUMPUR: Pembeli rumah di bawah projek showcase mampu milik kerajaan di Sungai Buloh, dekat sini akan diberi kelulusan pinjaman perumahan secara automatik daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), sekiranya mereka adalah pencarum.

Menteri Kewangan Kedua, Datuk Dr Jamaludin Jarjis berkata pembeli rumah di bawah projek yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam Bajet 2004 Jumaat lalu itu, tidak perlu memohon pinjaman daripada bank.

Kemudahan itu bertujuan meringankan beban pembeli rumah terutama berpendapatan rendah, yang sukar mendapatkan pinjaman daripada bank.

Jamaludin berkata, bagi memudahkan proses pinjaman, satu pusat sehenti diuruskan anak syarikat KWSP, Malaysia Building Society Berhad (MBSB) akan diwujudkan, yang bertanggungjawab menyediakan borang pinjaman dan perjanjian pinjaman perumahan seragam.

"Kita peka dengan masalah yang dihadapi oleh golongan ini. Sekarang, kalau mahu meminjam RM50,000 untuk beli kereta senang saja, hanya melalui panggilan telefon. Tapi kalau memohon pinjaman perumahan, kena turun naik bank, turun naik pejabat peguam.

"Memandangkan projek perumahan mampu milik ini menggunakan dana KWSP, secara automatik kita beri pencarum KWSP pinjaman perumahan dan terpulang kepada mereka sama ada memilih sistem pinjaman Islam atau sistem biasa," katanya pada sidang taklimat media mengenai projek perumahan mudah milik oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB), semalam.

Membentangkan Bajet 2004 Jumaat lalu, Dr Mahathir mengumumkan projek showcase berkenaan di kawasan seluas 1,000 ekar (404 hektar), milik Institut Penyelidikan Getah Malaysia (RRIM) di Sungai Buloh, Selangor.

Sebanyak 12,000 unit rumah mampu milik yang dilengkapi kemudahan pengangkutan awam, pusat ibadat, kemudahan komersial, pusat beli-belah, kedai runcit, kemudahan riadah termasuk taman, padang permainan dan dewan orang ramai akan dimulakan pembinaannya menjelang penghujung tahun ini.

SPNB akan melaksanakan pembangunan projek berkenaan yang membabitkan rumah kos rendah, kos sederhana rendah dan kos sederhana dengan harga tidak melebihi RM100,000 seunit.

Sebanyak 10 hingga 20 peratus daripada jumlah rumah yang dibina akan diperuntukkan untuk anggota keselamatan, termasuk anggota tentera dan polis.

Projek di Sungai Buloh yang digelar Koridor Pembangunan Lembah Klang Utara adalah contoh projek pengambil alihan pembinaan rumah kos rendah oleh kerajaan daripada syarikat pemaju swasta bagi memastikan pembinaan rumah berkenaan memenuhi permintaan.

Dalam Bajet 2004, Dr Mahathir mengumumkan keputusan kerajaan memberi pilihan kepada syarikat pemaju swasta sama ada mahu membina sendiri 30 peratus rumah kos rendah yang disyaratkan atau menyerahkannya kepada kerajaan, melalui SPNB.

Pemaju swasta boleh melaksanakan pilihan itu dengan menyumbang kepada SPNB untuk membiayai projek yang dibangunkan syarikat milik kerajaan itu.

Jamaludin juga berkata, Kerajaan Persekutuan, melalui SPNB akan bekerjasama dengan kerajaan negeri lain untuk pembinaan projek pengambilalihan rumah mampu milik.

Mengenai harga rumah yang akan ditawarkan di projek perintis di Sungai Buloh itu, beliau berkata kos sebenar seunit masih dalam perbincangan dengan kerajaan negeri dan syarikat pemaju. Ia akan diumumkan bulan depan.

"Kita perlu kaji pendapatan penduduk, berapa banyak boleh disimpan dan berapa banyak daripada jumlah disimpan boleh dilaburkan dalam perumahan. Tidak guna jika kita umumkan tetapi tidak memenuhi keperluan mengikut

pendapatan penduduk.

"Unit ini dikhaskan untuk mereka yang tidak mampu untuk membeli rumah di pasaran terbuka. Kita tidak mahu bersaing dengan syarikat pemaju tetapi mensasarkan golongan berpendapatan rendah," katanya.